

# Zuraida kena jawab surat tunjuk sebab isu disiplin dalam 2 minggu

**Petaling Jaya:** Naib Presiden PKR, Zuraida Kamaruddin diberi tempoh 14 hari bagi menjawab surat tunjuk sebab yang dikeluarkan kepadanya atas dakwaan salah laku disiplin.

Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata surat tunjuk sebab yang dikeluarkan oleh Lembaga Disiplin parti, sudah dihantar kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu, semalam.

"Semalam (kelmarin), parti hantar satu surat tunjuk sebab kepada Zuraida dan beliau ada 14 hari untuk memberikan penjelasan. Selepas itu, barulah Lembaga Disiplin parti akan buat apa-apa tindakan selanjutnya.

"Sama ada dilakukan pendengaran atau digugurkan (dakwaan salah laku disiplin), itu adalah kuasa Lembaga Disiplin di bawah Datuk Ahmad Kasim," katanya ketika ditemui selepas Mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat (MPP) PKR di sini, semalam.

Saifuddin berkata, selain isu Zuraida, Lembaga Disiplin parti membuat keputusan mengantung keanggotaan Ahli Majlis Pimpinan Angkatan Muda Keahlian (AMK), Mohd Akmal Hisyam Ahmad Tamyiz yang ditahan polis bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dengkil, Adhif Syan Abdullah, baru-baru ini.

Sementara itu, Pengerusi PKR Kedah, Datuk Johari Abdul, ber-



**Saifuddin Nasution ketika ditemui wakil media selepas Mesyuarat MPP PKR di Petaling Jaya, semalam.**

(Foto Khairul Azhar Ahmad/BH)

kata hasil mesyuarat bersama 11 Pengerusi PKR negeri, menuntut supaya Zuraida dipecat daripada parti.

"Beliau secara terang-terangan menghina Presiden, menghina pemimpin parti dan jika beliau tidak boleh patuh kepada undang-undang parti, beliau perlu dipecat. Ini adalah ketetapan diambil pengerusi parti negeri serta akar umbi.

"Mereka menuntut Zuraida dipecat walau apa pun alasan yang

diberikannya. Buat apa simpan orang seperti ini," katanya.

Aduan membabitkan Zuraida diterima sejourus Kongres PKR yang berlangsung di Melaka, berakhir Disember tahun lalu.

Terdahulu, kekecohan tercetus di hadapan ibu pejabat PKR ketika mesyuarat MPP berlangsung membabitkan sekumpulan individu dipercayai penyokong Zuraida serta kumpulan lain yang mendesak tindakan diambil terhadap Naib presiden PKR itu.

Satu kumpulan melaungkan 'hidup Zuraida', manakala satu lagi kumpulan melaungkan 'pecat Zuraida' sambil memegang sepanduk ketika kekecohan itu yang turut menyaksikan kedua-dua kumpulan saling tarik-menarik sepanduk sebelum anggota polis hadir mengawal sekitar lokasi terbabit.

Perhimpunan membabitkan dua kumpulan itu yang berlangsung hampir dua jam berakhir kira-kira jam 12 tengah hari.